



ZAKAT ON GOLD FOR QUANTUM METAL COMPANY PRODUCTS IN MALAYSIA

ZAKAT EMAS BAGI PRODUK SYARIKAT QUANTUM METAL DI MALAYSIA

MOHD FAISOL IBRAHIM
Universiti Sains Islam Malaysia.
Email: faisol@usim.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 19TH SEPT. 2023; REVISED – 23RD SEPT. 2023; ACCEPTED – 29TH SEPT. 2023)

ABSTRACT

Zakat is the main mechanism in Islam to structure the socio-economics of the Muslim community. Zakat on gold is something that has been implemented for a long time during the early period of Islam. Gold is something that is very valuable and inflation-proof. Gold is not only used as a decorative tool for women but also as a storage tool for the short term and the long term. There are Islamic banking institutions and religious institutions that offer the purchase and sale of gold physically and also as a gold deposit through an account. Now buying and selling gold is also offered by large companies such as Quantum Metal Sdn. Bhd. Therefore, this article will examine the extent to which the gold products offered by Syarikat Quantum Metal are subject to zakat or otherwise. This study only focuses on Syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd. To achieve the objectives of this study, library research methods were used to obtain accurate information. The results of the study found that all gold products offered by Quantum Metal Company must be paid zakat by its members. However, the payment of zakat is subject to several situations or conditions. Therefore, the state zakat institution needs to ensure that every member of Quantum Metal Sdn. Bhd. pays zakat when the conditions are sufficient and takes this opportunity to make them aware of the obligation to pay zakat on gold. This will have a positive impact on increasing the amount of zakat collection every year.

Keywords: gold zakat; quantum metal company; product.

ABSTRAK

Zakat merupakan mekanisme utama dalam Islam bagi menyusun sosioekonomi masyarakat Islam. Zakat emas merupakan sesuatu yang sudah lama dilaksanakan semasa zaman awal Islam lagi. Emas merupakan sesuatu yang sangat berharga dan kalis inflasi. Emas bukan sahaja dijadikan sebagai alat hiasan wanita tetapi juga sebagai alat simpanan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Terdapat institusi perbankan Islam dan juga institusi agama yang menawarkan pembelian dan penjualan emas secara fizikal dan juga secara simpanan emas melalui akaun. Kini pembelian dan penjualan emas juga turut ditawarkan oleh syarikat-syarikat besar seperti Quantum Metal Sdn. Bhd. Oleh itu artikel ini akan mengkaji sejauh mana produk-produk emas yang ditawarkan oleh Syarikat Quantum Metal dikenakan zakat atau sebaliknya. Kajian ini hanya memfokuskan Syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd. sahaja. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah penyelidikan secara perpustakaan telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Hasil kajian mendapati semua produk emas yang ditawarkan oleh Syarikat Quantum Metal perlu dibayar zakat oleh ahlinya. Namun, pembayaran zakat ini tertakluk kepada beberapa situasi atau keadaan. Oleh itu, institusi zakat negeri perlu memastikan setiap ahli Syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd. membayar zakat apabila cukup syarat-syaratnya dan mengambil peluang ini untuk menyedarkan mereka tentang kewajipan menunaikan zakat emas. Ini akan memberi impak positif kepada peningkatan jumlah pungutan zakat setiap tahun.

Kata kunci: zakat emas; syarikat quantum metal; produk

PENGENALAN

Emas merupakan penyimpan kekayaan terunggul (Louis, 2009) dan sangat bernilai (Nurul Fatimah et.al, 2016). Lantaran itu, emas merupakan salah satu daripada jenis-jenis zakat yang wajib dibayar oleh pembayar zakat yang telah mencukupi syarat-syaratnya. Pada zaman Nabi Muhammad SAW, emas termasuk 10 daripada jenis zakat yang diwajibkan selain perak, lembu, biri-biri, unta, gandum, anggur, barli, jagung dan tamar (Mujaini, 2012). Emas dapat dibahagi kepada tiga jenis iaitu emas hiasan (Muhsin, 2021), emas berbentuk simpanan (Mohd Faisal & Suhaina, 2010) dan emas fizikal. Emas fizikal ialah emas dalam bentuk tertentu iaitu emas berbentuk kepingan logam seperti duit syiling dan *gold* bar dan dianggap sebagai emas simpanan juga (Muhammad Norshah et., al, 2019). Emas hiasan pula ialah emas yang dipakai oleh wanita walaupun sekali setahun seperti subang, gelang, rantai dan sebagainya. Emas berbentuk simpanan pula ialah emas hiasan yang tidak pernah diguna pakai bagi tujuan simpanan dan

juga emas yang dibeli daripada institusi tertentu, harga tertentu, unit tertentu dan disimpan dalam akaun yang dipanggil akaun simpanan emas.

Zakat emas dalam bentuk pelaburan dikategorikan sebagai pelaburan emas yang patuh syarak lazimnya dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pertama; pelaburan dalam emas fizikal dan kedua; pelaburan dalam bentuk akaun emas (*Passbook*) (PPZ, 2022). Pelaburan yang patuh syarak ialah fizikal emas itu wujud dan boleh dimiliki oleh pelabur atau pelanggan. Wajib dizakatkan sekiranya ada niat pelaburan dan berat emas mencukupi nisab 85 gram atau lebih. Zakat emas hiasan yang digunakan untuk perhiasan badan wanita, perkakasan atau perabot sama ada digunakan sekali-sekala atau berterusan. Emas perhiasan wanita wajib dizakatkan apabila jumlah beratnya melebihi 'uruf (adat kebiasaan seperti 800 gram di Wilayah Persekutuan). Kadar Zakat emas ini hanya 2.5% sahaja didarabkan dengan nilai berat 800 gram atau lebih mengikut berat akhir secara keseluruhan. Imam Shafi'e berpendapat bahawa emas perhiasan tidak wajib untuk dibayar zakat melainkan kadar emas perhiasan tersebut telah melebihi kadar kebiasaan masyarakat setempat atau boleh dikenali sebagai kadar uruf (Muhammad Norshah et., al, 2019).

Zakat Emas yang disimpan pula adalah emas yang tidak dipakai dan juga emas yang menjadi simpanan dan tidak digunakan sebagai perhiasan walaupun fizikalnya sama seperti emas perhiasan (Azri Bahri et., al, 2019). Jika jumlah berat emas yang disimpan itu menyamai atau melebihi nisab 85 gram, serta melepasi tempoh masa 12 bulan atau setahun (cukup *haul*), maka wajib dikeluarkan zakat ke atasnya sebanyak 2.5 peratus (Muhammad Norshah et., al, 2019).

Kewajipan menunaikan zakat emas telah disebutkan secara nyata dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka kabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): ?Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu?” (At-Taubah: 34-35)

Rasulullah SAW juga pernah bersabda yang bermaksud:

“Siapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hampan api

yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya?” (Riwayat Muslim)

Emas bukan sahaja menjadi tumpuan wanita bagi tujuan perhiasan tetapi emas juga mempunyai kaitan dengan simpanan di hari tua dan kecemasan. Selain itu juga emas dijadikan sandaran mata wang sesebuah negara. Namun, kini emas telah menjadi alat pelaburan yang mampu memberi pulangan dalam jangka masa panjang kepada pelaburnya.

Ciri emas yang sentiasa mempunyai nilai yang tinggi, tidak mudah rosak dan tahan serta kalis inflasi menyebabkan emas menjadi rebutan dan tumpuan oleh masyarakat dunia khususnya di Malaysia. Maka terdapat institusi-institusi perbankan yang menawarkan emas berbentuk simpanan dan akaun simpanan seperti Maybank dan CIMB bank serta beberapa lagi. Terdapat juga institusi Islam yang turut menawarkan emas secara fizikal seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) (Wan Naimah, Murni & Zakaria, 2012). Selain itu terdapat juga syarikat yang beroperasi di Malaysia menjalankan perniagaan berdasarkan emas semata-mata seperti Syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd.

Syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd.

Quantum Metal (QM) Sdn. Bhd. didaftarkan pada 30 Julai 2012 dengan nombor pendaftaran 1011907U dengan modal berbayar sebanyak RM10 juta (Quantum Metal, 2022). Syarikat ini juga merupakan salah satu pengedar jongkong emas terbesar di Malaysia. Perniagaan teras Quantum Metal menyediakan 99.99% produk emas premium kepada pasaran Malaysia termasuk badan kerajaan, bank, institusi kewangan, dan peniaga-peniaga individu. Quantum Metal memulakan hubungan antara bank tempatan dan Pembekal Bullion Antarabangsa, termasuk, PERTH MINT. Model perniagaan Quantum Metal mengurangkan risiko bank tempatan dengan bank tempatan mempunyai transaksi langsung dan transaksi sah melalui Quantum Metal.

Sebagai pelanggan Quantum Metal, bank tempatan bebas daripada perbelanjaan modal untuk projek tersebut kerana 100% sistem dan infrastruktur akan dilaburkan oleh Quantum Metal Sdn. Bhd. Pulangan pelaburan syarikat ini adalah melalui model perkongsian hasil dengan bank tempatan. Pasukan Quantum Metal terus melabur dalam menyediakan model SOP dan menjamin integrasi dalam talian masa nyata antara bank tempatan dan Quantum Metal.

Syarikat ini merupakan syarikat yang membekalkan emas kepada beberapa buah bank utama di Malaysia seperti Bank Muamalat, Affin Bank, Alliance Bank, Al-Rajhi Bank dan beberapa lagi buah bank. Selain itu Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) juga turut menjalinkan kerjasama

dengan syarikat ini. Kini, syarikat Quatum Metal menawarkan emas bukan sahaja kepada institusi perbankan tetapi juga kepada orang ramai. Produk emas yang diperkenalkan ini adalah patuh syariah dengan menggunakan instrumen Komoditi Murabahah berbanding produk-produk lain yang tidak patuh syariah.

Terdapat tiga produk ditawarkan oleh syarikat Quantum Metal Sdn. Bhd. iaitu *Gold Storage Account* (GSE), *Gold Convert Account* (GCA) dan *Gold Enhance Asset* (GEA) (Quantum Metal, 2022). Syarikat ini juga mempunyai pengesahan patuh syariah yang terdiri daripada ISRA Malaysia. Harga emas sentiasa dikemaskini setiap hari supaya pelanggan mengetahui jumlah simpanan emas yang dimiliki manakala, urusan pembelian dan penjualan emas adalah dalam matawang Ringgit Malaysia (RM). Syarikat ini tidak membayar zakat bagi pihak pelanggan seperti yang dilakukan oleh pihak Lembaga Tabung Haji. Jadi, pelanggan muslim syarikat Quantum Metal wajib menunaikan zakat jika cukup syarat-syaratnya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat perpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran zakat di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual ringkas yang dilakukan melalui telefon terhadap beberapa orang *Dealer* Quantum Metal Sdn Bhd. Kajian ini hanya memfokuskan produk berasaskan emas di Syarikat Quantum Metal Sdn Bhd.

HASIL DAN PERBINCANGAN

GSA merupakan akaun simpanan emas yang ditawarkan kepada pelanggan. Akaun Simpanan Emas ialah platform dagangan emas fizikal yang mudah dan langsung. Pelanggan membeli berdasarkan harga emas harian QM dengan menggunakan bank tempatan atau luar negara. Sebaik sahaja transaksi bank berjaya dilaksanakan oleh pelanggan, QM akan memperuntukkan emas ke peti besi emas rasmi syarikat di Brinks Singapore dan sistem itu akan mengemas kini Akaun Simpanan Emas secara automatik. Orang ramai boleh membuka GSA dengan minimum hanya RM10 sahaja seterusnya mengumpul emas dalam unit emas. Pembelian emas atas talian di akaun GSA menggunakan mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang dinilai berdasarkan nilai semasa United State Dollar

(USD). Biasanya pelanggan akan membeli emas sekiranya nilai semasa harga emas jatuh daripada harga sebelum ini berdasarkan LME (*London Metal Exchange*). Akaun pelanggan di QM ini akan mencatatkan jumlah simpanan dalam unit gram emas yang dilaburkan. Pelanggan boleh melihat akaun sendiri dengan memeriksa dilaman sesawang QM. Simpanan emas wajib dizakatkan sekiranya ada niat pelaburan dan berat emas mencukupi nisab 85 gram atau lebih. Sekiranya kurang dari 85 gram tidak perlu dizakatkan. Sebagai contoh, jika jumlah emas yang dimiliki dalam *passbook* sebanyak 500 gram maka:

Zakat Emas (pelaburan/perniagaan):

$$\begin{aligned}
 &= \text{Berat Emas} \times \text{Harga Semasa (per gram)} \times 2.5\% \\
 &= 500 \text{ gm} \times \text{USD}53.30 \text{ (USD}53.30 \times \text{RM}4.7 \text{ iaitu 1USD bersamaan} \\
 &\quad \text{RM}4.7) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}125,255 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}3131.38 \text{ (zakat emas)}
 \end{aligned}$$

GCA pula merupakan akaun simpanan emas yang membenarkan pelanggannya mencagarkan semula emas milik pelanggan kepada QM dengan kadar pembiayaan sehingga 85% daripada nilai emas semasa. Dalam erti kata lain sekiranya nilai emas yang dibeli pada hari tersebut ialah 100 gram dengan harga USD53.30 per gram. Pelanggan akan memperolehi semula 85% daripada nilai emas tadi dalam bentuk wang tunai di dalam akaun peribadi pelanggan yang mempunyai akaun simpanan dengan institusi perbankan di Malaysia. Syarikat QM akan memasukkan semula nilai tadi dalam tempoh lima hari waktu bekerja. Selain itu pihak syarikat QM akan mengenakan caj Ujrah sebanyak 3% kepada pelanggan. Sebagai contoh;

$$\begin{aligned}
 &= \text{Berat Emas} \times \text{Harga Semasa (per gram)} \times 85\% \text{ (pembiayaan)} \\
 &= 100 \text{ gm} \times \text{USD}53.30 \text{ (USD}53.30 \times \text{RM}4.7 \text{ iaitu 1USD bersamaan} \\
 &\quad \text{RM}4.7) \times 85\% \\
 &= \text{RM}25,051 \times 85\% \\
 &= \text{RM}21293.35 \text{ (wang yang dimasuk ke dalam akaun bank pelanggan)}
 \end{aligned}$$

Pengiraan zakat bagi akaun GCA pula ialah:

$$\begin{aligned}
 &= (\text{Berat emas semasa} \times \text{harga semasa per gram}) - \text{Nilai Pembiayaan} \\
 &\quad - \text{Upah/Ujrah} \times 2.5\% \\
 &= 100\text{gram} \times \text{USD}53.30 \times \text{RM}4.7 \text{ (1USD bersamaan RM}4.7) - \\
 &\quad \text{RM}21293.35 - \text{RM}751.5 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}3006.15 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}75.15
 \end{aligned}$$

GAE pula merupakan akaun untuk tujuan pelaburan jangka masa panjang supaya pelanggan memperoleh margin untung yang tinggi. GAE terdedah kepada risiko yang tinggi kerana bergantung kepada keadaan harga emas sepanjang masa. Melalui akaun ini pelanggan boleh menggandakan pelaburan mereka menjadi tinggi kerana setiap pembelian satu unit GAE oleh pelanggan akan digandakan menjadi lima unit bagi GAE5 atau 10 unit bagi GAE10. Lebihan sebanyak empat unit bagi GAE5 dan sembilan unit bagi GAE10 diberi melalui kontrak pembiayaan oleh syarikat QM kepada pelanggan dengan caj kontrak *Tawarruq* sebanyak 3% setahun. Pelanggan akan menjual emas apabila harga emas menjadi lebih tinggi daripada harga belian pada masa akan datang. Satu unit GAE membawa maksud satu gram emas. Sebagai contoh perkiraan emas bagi transaksi pembelian GAE10 sebanyak 50 kali oleh pelanggan adalah :

Zakat Emas (pelaburan/perniagaan):

$$\begin{aligned}
 &= \text{Berat Emas} \times \text{Harga Semasa} \times 2.5\% \\
 &= 500\text{gram (GAE10)} \times \text{USD}53.30 \text{ (USD}53.30 \times \text{RM}4.7 \text{ iaitu 1USD} \\
 &\quad \text{bersamaan RM}4.7) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}125,255 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}3131.38 \text{ (zakat emas)}
 \end{aligned}$$

Namun Sekiranya emas yang dilaburkan di QM dikeluarkan dalam bentuk fizikal kerana pelanggan ingin menyimpan sendiri maka kaedah pengiraan zakat emasnya tertakluk pada zakat emas fizikal. Emas fizikal yang dimiliki lazimnya diniatkan sebagai pelaburan untuk mendapatkan keuntungan. Biasanya emas ini berbentuk syiling, jongkong, bar dan *wafér*. Wajib dizakatkan sekiranya berat emas yang dikumpul menyamai atau melebihi nisab 85 gram. Sebagai contoh, jumlah emas yang dimiliki diniatkan untuk pelaburan adalah sebanyak 300 gram maka:

Zakat Emas (pelaburan/perniagaan):

$$\begin{aligned}
 &= \text{Berat Emas} \times \text{Harga Semasa} \times 2.5\% \\
 &= 300 \text{ gram} \times \text{USD}53.30 \text{ (USD}53.30 \times \text{RM}4.7 \text{ iaitu 1USD} \\
 &\quad \text{bersamaan RM}4.7) \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}75,153 \times 2.5\% \\
 &= \text{RM}1878.83 \text{ (zakat emas)}
 \end{aligned}$$

KESIMPULAN

Ternyata ketiga-tiga akaun yang ditawarkan oleh Syarikat QM wajib dibayar zakat emas apabila telah cukup haul dan nisab. Haul ialah tempoh masa tertentu iaitu

setahun bagi sesuatu harta dinilai manakala nisab ialah kadar ukuran tertentu bagi sesuatu harta tertentu untuk dikira zakat (Mohd Faisol, 2015). Kadar zakat emas yang wajib dibayar adalah hanya 2.5% sahaja setahun. Justeru itu pelanggan Muslim yang mempunyai akaun emas di Syarikat QM wajib membayar zakat. Kewajipan membayar zakat emas ini adalah wajib kerana zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Pelanggan di Syarikat QM Sdn Bhd juga perlu menyedari bahawa Syarikat QM tidak membayar zakat bagi pihak pelanggan mereka seperti yang dilakukan oleh Lembaga Tabung Haji Malaysia. Oleh itu sebagai pelanggan yang telah melanggan produk di Syarikat Quantum Metal Sdn Bhd wajib membayar zakat emas. Sekiranya pada tahun-tahun yang lepas, pelanggan di Syarikat Quantum Metal Sdn Bhd tidak mengetahui tentang kewajipan membayar zakat emas, maka mereka boleh membayar zakat emas bagi tahun ini atas nama Qada zakat. Pembayaran zakat emas ini sebenarnya tidak akan menyebabkan seseorang itu menjadi mufliis sebaliknya akan menambahkan lagi keberkatan rezeki mereka.

RUJUKAN

- Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalidiii, Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Mohamad Shukran Abdul Razak (2019), *Journal of Fatwa Management and Research*, Application of Fiqh on Zakat on Gold in Malaysia, Vol 17, no 2, pp. 265-276.
- Louis Ng. (2009), *Public Gold: Kelebihan Pelaburan Emas Fizikal*. Prosiding Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar (SEDINAR09). Universiti Kebangsaan Malaysia pada (UKM): Fakulti Pengajian Islam.
- Mohd Faisol Ibrahim (2015), *Eksklusif Zakat Pendapatan dan Kaedah Pengiraan*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Faisol Ibrahim & Suhaina Musani (2010), *Zakat dan Pelaksanannya di Malaysia*, Universiti Malaysia Sabah,
- Nurul Fatimah Adilah Muhamad Sukri, Norazlina Abd. Wahab & Abu Bakar Hamed (2016), *Global Review of Islamic Economics and Business*, Compliance to Pay Zakat on Gold: A Study on UUM Staff, Compliance To Pay Zakat on Gold: A Study on UUM Staff, Vol 4, No. 2, pp.90-101.
- Muhammad Norshah Roslei, Mohd Ali Mohd Noorii & Hairunnizam Wahid (2019), *Journal of Fatwa Management and Research*, Proposed Standardization in Calculation of Zakat Nisab on Gold Jewellery in Malaysia, Vol 17, no 2, pp.309-324.
- Mujaini Tarimin (2012), *Zakat Al- Mal Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

- Muhsin Nor Paizin. (2014). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan dan Pelaksanaanya di Malaysia, Vol.8, No. 1, ms 43-62.
- Wan Naimah Wan Daud, Murni Yusoff & Zakaria Bahar (2021), *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Prospek Produk Baharu Ar-Rahnu Yapeim Sebagai Alternatif Mikro Kredit, Vol 6, No 9, ms 86-94.
- Maksud Emas Fizikal diambil pada 27 Oktober 2022 daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/>
- Syarikat Quantum Metal Sdn Bhd diambil pada 27 Oktober 22 daripada <https://www.quantummetal.com.my/ms/rumah/>